

Sumbangsaan Majlis Dekan 2023: Memacu Kemajuan, Pertumbuhan & Kejayaan



Sibu: Program tahunan Sumbangsaan Majlis Dekan (MDekan Retreat) 2023 telah berlangsung di Bandar Sibu pada 1-3 Februari 2023. Ia disertai kesemua Ahli Majlis Dekan dan Pengawai Pengurusan Kanan Universiti.

Perjumpaan ini menyediakan platform untuk membolehkan Pengurusan Tertinggi, Dekan, Pengarah dan Pegawai Kanan Universiti meneroka cara kreatif dan inovatif bagi

memacu kemajuan, pertumbuhan dan kejayaan tahun 2023.

Dalam perutusannya, Naib Canselor, YBhg Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, UNIMAS telah melihat kemajuan dan pembangunan yang stabil serta konsisten selama tiga dekad yang meninggalkan kesan positif kepada pihak berkepentingan selain manfaat yang besar kepada komuniti setempat

secara amnya.

Turut serta dalam program ini ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie.

Sebanyak 18 pembentangan berkaitan *Strategic Foci* dan *Strategic Initiatives* telah dilakukan. Rombongan turut berkesempatan berada di UNIMAS Sibu Kampus pada hari ketiga untuk sesi penutupan program.

Mesyuarat dan Bengkel TWG4 Sabah & Sarawak Development, RMK-12

Port Dickson: Bengkel Focus Group (FG) bagi Technical Working Group (TWG) 4 Sabah and Sarawak Development Bab 7 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) telah diadakan pada 29-31 Januari 2023.

Bengkel anjuran Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak (BHES), Jabatan Perdana Menteri diadakan bertujuan untuk menyediakan pelaporan Kajian Separuh Penggal bagi Bab 7 RMK-12 selain menyelaraskan dan mendapatkan input mengenai pelaksanaan strategi, inisiatif, program dan projek pembangunan di peringkat Universiti.

TWG4 turut berperanan menyelaraskan, menyemak dan memperakui syor daripada Focus Group serta menyediakan input kertas pembentangan untuk pertimbangan di peringkat IAPG. UNIMAS telah diwakili oleh Timbalan Pengarah SQRC, Prof Madya Dr Lee Nung Kion.

Terdahulu pada 16 Januari 2023, mesyuarat bersama YBhg Datuk Toisin Gantor, Setiausaha Bahagian, BHES, telah diadakan bersama semua UA.



Bengkel Penyelarasan Dokumen Audit Susulan Autonomi

Kuching: Jawatankuasa Pelaksana Audit Susulan Autonomi telah mengadakan dua siri Bengkel Penyelarasan Dokumen Audit Susulan Autonomi pada 11 Januari 2023 dan 16-17 Januari 2023.

Audit Susulan Autonomi dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2022 sehingga tahun 2025. Empat komponen utama yang diaudit ialah Institusi Governan, Kewangan dan Penjana Pendapatan, Akademik dan Kemasukan Pelajar serta Pengurusan Sumber Manusia.

Audit Susulan Autonomi akan dimulakan dengan audit sendiri yang akan dijalankan oleh Juraudit Dalam UNIMAS yang dilantik oleh KPT. SQRC adalah Urusetia Jawatankuasa Pelaksana Audit Susulan Autonomi ini.



Jamuan Tahun Baharu SQRC

Kota Samarahan: Majlis ringkas perjumpaan sempena sambutan Tahun Baharu 2023 telah diadakan oleh staf SQRC pada 6 Januari 2023.

Majlis seperti ini adalah rutin anjuran SQRC bagi mengeratkan silaturrahim antara staf.



SQRC Sertai Bowling Piala Datin Kartini

Kuching: Staf SQRC telah menyertai pertandingan bowling Piala Pusingan Datin Kartini yang telah diadakan pada 28 Januari 2023 lalu bertempat di Magalanes Sarawak @ EMart Batu Kawa.

Para pemain yang berjuang untuk pasukan SQRC telah diwakili oleh Sdri Adeline Ann Lubi, Sdri Norisa Mohd Sahari dan Sdr Mohd Hafizuddin Sulaiman. Pertandingan bowling ini adalah acara tahunan anjuran Persatuan Wanita UNIMAS (MASNITA).



Sambutan Tahun Baharu Cina

Kota Samarahan: Kemeriahan sambutan Tahun Baharu Cina turut dirasai di Pejabat SQRC dengan mengadakan acara ringkas pada 18 Januari 2023. Sambutan sederhana ini telah dihadiri oleh semua staf SQRC.





PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH:
PROF DR TARMIMI MASRON

TIMBALAN PENGARAH:
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN:
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN:
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN:
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT:
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN:
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR:
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI:
ROZAIMI ANIS


Kalendar Aktiviti

Januari 2023

BIL	PERKARA	TARIKH
1	QS WUR 2024 (<i>Data collection portal</i>)	3/1-6/2/2023
2	Mesyuarat Penyelarasan Bersama Amanat Naib Canselor 2023	3/1/2023
3	Penyediaan dan Penghantaran Data MyMoheS	3-26/1/2023
4	Perbincangan Kod Rujukan Baharu MyMoheS (<i>Owner & Dev Modul Pelajar</i>)	5/1/2023
5	SQRC New Year's Lunch Date	6/1/2023
6	THE Awards Asia 2023 (<i>THE Hub deadline</i>)	8/1/2023
7	THE WUR 2024 (<i>Data collection portal</i>)	9/1-30/3/2023
8	Bengkel Amanat NC 2023	14-15/1/2023
9	Mesyuarat <i>Technical Working Group 4</i> (Sabah & Sarawak Dev.) RMK12 - KPT	16/1/2023
10	THE WUR 2024 Masterclass	16/1/2023
11	Bengkel Penyelarasan Dokumen Audit Susulan Autonomi	16-17/1/2023
12	Perbincangan Laporan Pengurusan Risiko UNIMAS	17/1/2023
13	Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB) Suku Keempat 2022	18/1/2023
14	Mesyuarat JKPR Bil.01/2023	19/1/2023
15	Taklimat <i>Rapporteur Retreat</i> MDekan	30/1/2023

Februari 2023

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Sumbangsan Majlis Dekan	1-3/2/2023
2	<i>Briefing on the new revision of ISMS ISO/IEC 27001:2022</i>	2/2/2023
3	Perjumpaan Bersama Dekan & Ketua Strategi Fakulti (<i>Strategic Roadmap</i>)	13/2/2023
4	Lawatan Kerja ke UPSI	16/2/2023
5	Mesyuarat JSKU Bil.01/2023 Ke-26	22/2/2023



STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

Universiti Malaysia Sarawak

Aras 3, Canselor

94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia